

Unit 12**Sains Merentas Kehidupan****DSKP**

Membaca


SP 2.2.3

Membaca untuk memahami idea keseluruhan dalam pelbagai bahan prosa dengan betul dan tepat secara luncuran dan imbasan.

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian lengkapkan maklumat pada rajah di bawah.

Penerokaan angkasa lepas memang banyak memberi manfaat terhadap perkembangan sains dan teknologi. Kejayaan negara-negara Barat terutamanya Amerika Syarikat dan Rusia banyak bergantung kepada kemampuan mereka menghasilkan teknologi moden terutamanya berkaitan penerokaan angkasa lepas. Keadaan ini menyebabkan negara-negara lain terutama China dan Jepun serta India turut berusaha memajukan teknologi angkasa lepas mereka. Sememangnya banyak impak positif daripada penerokaan angkasa lepas terhadap kehidupan manusia. Impak positif yang ketara ialah penerokaan angkasa lepas telah memajukan bidang teknologi maklumat khususnya, berkaitan teknologi Internet. Penghasilan lebih banyak satelit di ruang angkasa bumi telah memudahkan perhubungan atau komunikasi tanpa batasan sempadan diwujudkan. Kemajuan dalam bidang teknologi maklumat ini menjadikan bidang komunikasi, keselamatan, dan pertahanan semakin berkembang maju selaras dengan kemajuan penerokaan angkasa lepas. Jelaslah, teknologi angkasa lepas menyebabkan bidang teknologi maklumat manusia menjadi lebih baik dan moden.

Selain itu, aktiviti penerokaan yang berani ini berupaya meningkatkan kemampuan teknologi pemantauan manusia sejagat. Penggunaan satelit dan kapal angkasa menjadikan gambar-gambar lebih mudah untuk diambil dan dirakam dari sudut yang lebih baik dan sesuai. Di samping itu, industri teknologi robotik turut berkembang selari dengan usaha meneroka angkasa lepas ini. Kebanyakan peralatan teknologi yang dihantar ke angkasa lepas atau kawasan ruang udara bumi dikawal oleh robot atau peranti kawalan. Keadaan ruang angkasa yang begitu bahaya dan sukar diramal menyebabkan robot lebih sesuai digunakan berbanding manusia. Konklusinya, semua usaha meneroka angkasa lepas itu bukanlah sesuatu yang membazir. Pelbagai hasil yang positif terutama kajian sains akan memberikan manusia satu informasi yang berguna.

Manfaat penerokaan angkasa lepas**PILIHAN JAWAPAN :**

memudahkan perhubungan atau komunikasi tanpa Batasan sempadan	industri teknologi robotik turut berkembang	bidang komunikasi, keselamatan dan pertahanan semakin berkembang maju
berupaya meningkatkan kemampuan teknologi pemantauan manusia	memajukan bidang teknologi maklumat terutama berkaitan dengan teknologi internet	